

**Majlis Galakan Bahasa Melayu, Program KPKK Martabatkan Bahasa Melayu
Bernama
26 April , 2012**

KUALA TERENGGANU, 26 April (Bernama) -- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan merangka penubuhan Majlis Galakan Bahasa Melayu dalam usahanya memartabatkan bahasa Melayu, yang merupakan bahasa kelima teramai digunakan di seluruh dunia.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dipilih sebagai pusat menyelaraskan usaha memartabatkan bahasa Melayu serantau dengan kerjasama Kelantan dan Pahang.

"Terengganu dipilih sebagai pusat pengendalian Majlis Galakan Bahasa Melayu memandangkan Terengganu masih diselaputi nilai kemelayuan yang menebal.

"Jadi, adalah wajar Terengganu diberi peluang menjadi pusat menjayakan program ini (Majlis Galakan Bahasa Melayu) berdasarkan keistimewaannya tersendiri termasuk sejarah penemuan Batu Bersurat di negeri itu," katanya.

Rais bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama dan merasmikan Forum Antarabangsa Bahasa Melayu 'Memartabatkan Bahasa Melayu: Isu dan Pendekatan' anjuran Fakulti Pembangunan Sosial UMT di kampus universiti itu di sini pada Khamis.

Turut hadir Naib Canselor UMT Datuk Prof Dr Ibrahim Komoo dan timbalannya, Prof Dr Yahaya Ibrahim.

Seramai empat panel menyertai forum berkenaan yang dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Sosio-Ekonomi UMT, Prof Dr Ibrahim Mamat.

Ahli panel berkenaan terdiri daripada Pengarah Jabatan Pembinaan Bahasa dan Sastra Dewan Bahasa dan Pustaka Rusli Abd Ghani; Profesor UII Yogyakarta Indonesia Prof Akhmad Fauzy; Dekan Pertama Fakultas Interpretasi dan Translasi Hankuk University of Foreign Studies Korea Prof Dr Chun Tai-hyun dan pensyarah Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik Universiti Brunei Darussalam Dr Pengiran Mohamed Pengiran Damit.

Mengulas lanjut, Rais berkata KPKK akan membantu menerbitkan dokumentasi bahasa serantau termasuk penemuan Batu Bersurat di Terengganu untuk tatapan generasi akan datang.

Rais berkata beliau akan berbincang dengan naib-naib canselor universiti terlibat termasuk UMT dan universiti lain di rantau Asia Tenggara bagi menjalin hubungan kerjasama antara satu sama lain ke arah bahasa Melayu lebih ilmiah dan intelektual.

Beliau berkata Bahasa Melayu mampu menjadi bahasa komunikasi, bahasa ilmu dan bahasa komersil yang mempunyai masa depan amat cerah.

Semua rakyat Malaysia dan bukan hanya kaum Melayu bertanggungjawab memperjuangkan keagungan bahasa Melayu, katanya.

"Selagi seseorang itu bernama Melayu, khusus bagi mereka dan juga semua warga Malaysia mesti memainkan peranan kerana ia adalah 'lingua franca' nasional.

"Malah Bahasa Melayu tidak boleh dipolitikkan sebagai bahasa kelompok. Waima apa-apa parti politik pun seperti DAP, PKR mahupun Umno, apapun mesti sayangkan pada Bahasa Melayu," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=662070>